



NAJIB (dua dari kiri) dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor (kanan) merasai sendiri pengalaman menaiki MRT di Kuala Lumpur kelmarin.

## Perdana Menteri puas hati kelancaran perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Kajang

DATUK Seri Najib Tun Razak melahirkan rasa puas hati terhadap kelancaran perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang yang akan beroperasi sepenuhnya bermula 17 Julai ini.

Perdana Menteri berkata, beliau dan keluarga berkesempatan meninjau dan mencuba sendiri

tren tersebut petang kelmarin.

“Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan infrastruktur bertaraf dunia jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang ini yang dibangunkan oleh ribuan anak tempatan sejak tahun 2010,” kata Najib dalam catatan rasmi Facebook, [Najibrazak.com](http://Najibrazak.com).

» LAPORAN DI MUKA 6

# PM bangga projek MRT berjaya

**KUALA LUMPUR** – Datuk Seri Najib Tun Razak semalam menzahirkan rasa puas hati terhadap kelancaran perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang.



KERATAN *Kosmo!* semalam.

libat, berbanggalah dengan pencapaian anda, imbas kembali segala pengorbanan tenaga, masa beristirahat bersama keluarga dan sahabat handai.

“Inilah hasil keringat dan air mata anda! Saya sendiri amat bangga dengan anda semua,” kata beliau menerusi catatan di laman rasmi [Najibrazak.com](http://Najibrazak.com) semalam.

Najib berkata, dalam tinjauan berkenaan beliau turut ditemani rakan-rakan online beliau yang teruja untuk merasai pengalaman menaiki tren yang melalui beberapa stesen bawah tanah.

Menurutnya, kelancaran



NAJIB (tiga dari kanan) merasai sendiri pengalaman menaiki MRT fasa kedua di Kuala Lumpur kelmarin.

perkhidmatan MRT menidakan dakwaan penduduk terutamanya di kawasan bandar bahawa projek MRT yang bermula sejak 2010 itu akan menjajaskan kawasan setempat.

Najib turut menegaskan bahawa visi beliau adalah

untuk melihat sistem pengangkutan moden yang bukan sahaja boleh menghubungkan seluruh kawasan Lembah Klang, Kuala Lumpur dan Putrajaya tetapi juga sebuah sistem yang boleh diharap tahap efisiennya. – Bernama